

Menteri Agama ke Arab Saudi bagi lawatan kerja dan tunai haji

SINAR HARIAN 20/8/2023 N/9:19

SEPANG - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berangkat ke Arab Saudi pada Isnin bagi mengadakan lawatan kerja serta menunaikan haji.

Beliau memilih untuk melaporkan diri di Kompleks Haji Sepang, Pusat Konvensyen Movenpick, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini bersama-sama 283 jemaah haji lain sebelum menaiki bas bersama jemaah berkenaan untuk ke lapangan terbang.

"Saya sendiri nak merasa, Tabung Haji ada sebut nak bawa saya terus ke KLIA, (tapi) saya rasa nak lalui sama seperti jemaah haji yang lain," katanya kepada media di Kompleks Haji Sepang sebelum menuju ke KLIA.

Ketika di Arab Saudi, Mohd Na'im berkata, beliau akan mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Menteri Haji dan Umrh Arab Saudi, Dr Tawfiq Fauzan Muhammed Al Rabiah.

"Saya harap ada hasil-hasil yang baik da-

ripada perjumpaan tersebut," katanya tanpa menyatakan butiran perbincangan dengan Tawfiq Fauzan.

Dalam pada itu, Mohd Na'im berkata, setakat pada Ahad, seramai 64 jemaah haji Malaysia sedang dirawat di hospital Tabung Haji (TH) dan hospital Arab Saudi, antaranya akibat jangkitan paru-paru susulan keadaan cuaca yang panas.

Beliau berkata, TH telah mengambil inisiatif melaksanakan program pendidikan kesihatan kepada jemaah haji melalui Ziarah Rahmah, yang mana kesihatan jemaah haji diperiksa di bilik penginapan di Madinah dan Makkah.

Hampir 90 peratus penerbangan charter haji telah berlepas ke Tanah Suci dengan seramai 29,212 jemaah haji telah berada di Arab Saudi.

Penerbangan terakhir bagi fasa pertama membawa jemaah ke Tanah Suci akan berakhir pada Rabu ini manakala penerbangan pertama pulang dari Tanah Suci adalah pada 6 Julai sehingga 2 Ogos depan. - Bernama



Mohd Na'im dan isteri, Datin Nik Roslini Raja Ismail ketika berada di Kompleks Haji Pusat Konvensyen Movenpick sebelum berlepas ke KLIA untuk menunaikan ibadah haji pada tahun ini.